

Siswazah hasil 150,000 benih ikan air tawar

BH/SC & JB / M/S 04

Lepasan UMT tumpu bidang akuakultur, penuhi permintaan pasaran

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Pengalaman tujuh tahun dalam bidang akuakultur menjadi landasan kepada seorang siswazah, Muhammad Azri Shariff untuk mengusahakan projek menghasilkan benih patin, talapia merah dan keli.

Muhammad Azri, 26, yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Biologi Marin) dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), kini mampu berbangga dapat menghasilkan lebih 150,000 benih tiga spesies ikan air tawar itu.

Beliau berpuas hati selepas

enam bulan beroperasi, pusat pembenihan yang diusahakan di Kampung Sri Fajar, Gambang, dekat sini sudah mula mengeluarkan hasil yang diharapkan.

Katanya, kini terdapat 10 kolam tanah, empat tangki penetasan dan tujuh kolam simen di kawasan seluas lebih 0.81 hektar.

Bagaimanapun, katanya, kemudahan berkenaan tidak mencukupi menghasilkan lebih banyak benih ikan.

“Permintaan terhadap benih patin tidak mencukupi, faktor berkenaan menyebabkan ramai penternak ikan sangkar di Temerloh, Pekan dan Jerantut terpaksa menangguhkan sementara projek ternakan mereka.

“Pusat pengeluaran benih kami tidak mampu menghasilkan lebih banyak benih patin dan talapia merah disebabkan kawasan yang terhad,” katanya, di sini kelmarin.

Muhammad Azri berkata, dia menjual benih patin, talapia merah dan keli dengan harga antara 15 sen hingga 42 sen mengikut saiz antara dua hingga empat inci.



Muhammad Azri (kiri) mengusahakan projek benih patin, talapia merah dan keli.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Penyedia permintaan

Katanya, benih yang dihasilkan kini hanya mampu memenuhi permintaan daripada beberapa penternak ikan sangkar di daerah ini, Pekan dan Maran.

Setiap penternak membeli benih sehingga 20,000 ekor, tertakluk pada jumlah sangkar mereka.

“Kebanyakan penternak ikan sangkar di negeri ini bergantung sepenuhnya pada pusat pembenihan di Perak dan Selangor bagi mendapatkan bekalan benih patin dan talapia merah. Apabila pengeluaran benih tidak mencukupi, akibatnya penternak

yang menanggung kerugian.

“Di Pahang, tidak banyak pusat pembenihan yang mampu mengeluarkan benih berskala besar, faktor berkenaan menyebabkan penternak terpaksa membeli benih di Perak dan Selangor,” katanya yang sebelum ini bertugas sebagai pembantu penyelidik akuakultur di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Kuantan.

Beliau berkata, sokongan rakan kongsi, Jamri Ahmad, 55, menjadi pembakar semangat kepadanya untuk terbabit dalam bidang akuakultur yang turut dibantu seorang pembantu lepasan Po-

liteknik Jeli, Kelantan.

Bagi Jamri, dia menasarkankan untuk mengeluarkan 200,000 hingga 250,000 benih patin sebulan bagi memenuhi permintaan penternak, namun disebabkan kawasan pusat pembenihan yang terhad, dia terpaksa memikirkan kaedah yang terbaik.

“Saya berharap kerajaan negeri dapat membantu kami dengan menyediakan kawasan sesuai untuk dijadikan pusat pembiakan yang akan membekalkan pelbagai benih ikan air tawar bagi menampung permintaan penternak ikan sangkar di Pahang,” katanya.

Gigih cari rezeki walau lumpuh separuh badan

Segamat: Nahas jalan raya yang menimpanya pada 1993, menyebabkan rutin pekerjaan seorang pemandu lori bertukar sepenuhnya apabila hilang sumber kewangan untuk menyara kehidupan akibat lumpuh separuh badan dalam nahas itu.

Namun, Jaafar Athan, 55, tidak patah semangat, sebaliknya pada 2012, dia nekad menceburi bidang baharu yang belum pernah diteroka dengan menghasilkan barangan kulit.

“Saya terpaksa akur kepada takdir apabila sebahagian badan lumpuh dari pinggang ke kaki dan terpaksa berkerusi roda untuk bergerak susulan kecederaan teruk dalam kemalangan yang dialami di Pagoh pada 1993.

“Dulu saya normal. Hidup tidak selalunya indah, langit tak selalu cerah, suram malam tak berbintang, itu jadi kekuatan.

“Lagi pula, saya sangat berminat dengan barangan berasaskan kulit, selain tahu semua orang mahu lebih bergaya dengan memiliki barangan kulit,” katanya ditemui di galeri Jaafar Kulit Enterprise, dekat FELDA

Tenang, di sini.

Sebagai permulaan, anak jati Segamat itu menggunakan dompet duit lamanya yang rosak dan terkoyak bagi proses pembelajaran menjahit.

“Saya hasilkan pelbagai keperluan lelaki dan wanita yang ringkas daripada kulit yang disiapkan dalam tempoh beberapa jam, hanya berpandukan kepada tutorial daripada YouTube.

“Saya kemudian belajar dengan lebih mendalam daripada rakan, Azhar Alias, yang pakar dalam bidang ini bertujuan memantapkan lagi kemahiran sedia ada,” katanya yang pernah ganggur selama beberapa tahun susulan kemalangan sepanjang menjalani rawatan di Hospital Segamat dan Muar.

Bermula secara kecilan, Jaafar bagaimanapun nekad untuk membuka galeri barangan kulit buatan tangan dengan fokus utama penghasilan pelbagai jenis dompet, tali pinggang, tali gantung gitar, beg tangan wanita serta pelbagai beg menerusi jenama Jaafar Kulit di FELDA Tenang, di sini awal Januari 2012 lalu.



Jaafar menghasilkan pelbagai barangan daripada kulit haiwan di Galeri Jaafar Kulit di FELDA Tenang, Segamat.

(Foto Ahmad Ismail/BH)

Guna pelbagai jenis kulit

Jaafar yang berkelulusan sijil dalam bidang akaun dan pemasaran berkata, semua produknya diperbuat daripada pelbagai jenis kulit, antaranya lembu, kambing, kerbau dan kuda.

“Proses menghasilkan barangan kulit membabitkan kerja-

kerja mengukur, memotong, menebuk dan menjahit dengan benang dan setiap proses itu dilakukan dengan menggunakan tangan,” katanya.

Jaafar berkata, setiap barangan kulit yang dihasilkan adalah berdasarkan kreativiti sendiri dan mengikut trend gaya,

selain memenuhi kehendak semasa pelanggan.

“Apa yang penting, saya sangat menitikberatkan soal ketelitian supaya hasilnya tampak kemas, berkualiti, halus serta tahan lama, selain selesa dipakai,” katanya yang bercadang menjadi mentor menjahit but dan jaket kulit pada masa akan datang.

Setiap produk kulit buatan tangan Jaafar dijual pada harga antara RM10 hingga lebih RM400 bergantung kepada jenis produk, material dan saiz yang digunakan, selain ditempah khas eksklusif.

Kesungguhan Jaafar nyata berbaloi apabila beliau kini tidak menang tangan untuk memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat.

“Apabila menjual secara dalam talian, ada yang ragu-ragu dengan keaslian produk dihasilkan. Jadi, menerusi galeri ini, pelanggan berpeluang melihat sendiri serta merasai kulit digunakan yang diperoleh daripada pembekal tempatan di Muar dan Kuala Lumpur,” katanya.